

Saingan sengit

UPM, UiTM rebut takhta kumpulan



PIALA YA MENTERI
PENGHAJIAN TINGGI

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar
bhvarsiti@bharian.com.my

PERTEMBUNGAN dua musuh tradisi UPM dan UiTM pada perlawanan Liga Bola Sepak IPT 2010 di Padang Kompleks Sukan UiTM, Shah Alam, Sabtu ini dijangka menjadi tumpuan peminat bola sepak kampus tempatan. Kedua-dua pasukan yang berebut untuk menjadi pendahulu liga kumpulan Zon Tengah 1 dijangka bersaing hebat selepas membelasah lawan masing-masing dalam pertandingan pertama minggu lalu.

UPM yang membelasah Usim 4-0 dalam perlawanan perasmian oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, minggu lalu akan berdepan dengan sokongan padu penyokong UiTM, yang sebelum ini pasukan mereka membenam Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), 4-1.

Pengurus UiTM, Che Arif Hashim, berkata perlawanan hujung minggu ini dijangka sengit kerana UPM ingin membalas dendam berikutan kekalahan mereka dalam persaingan Liga Masum dan Jemputan Antarabangsa UPM, tahun lalu.

"Kekalahan UPM kepada UiTM dalam pertemuan tahun lalu dijangka menjadikan



AKSI perlawanan menarik ketika pertembungan UPM dan Usim pada Liga Bola Sepak IPT 2010, di UPM Serdang, minggu lalu.

perlawanan Sabtu ini, sebagai balas dendam untuk mereka. UiTM tidak mengambil mudah pertemuan nanti.

"UiTM sudah bersedia bagi menghadapi cabaran UPM dengan mengadakan latihan

secukupnya. Lagipun pemain UiTM terpaksa mengharungi Liga FAM menentang Sime Darby pada 7 Mac, jadi kami cukup bersedia dengan perlawanan Sabtu ini, menentang UPM," katanya ketika dihubungi, kelmarin.

Che Arif berkata, pemain dijangka mampu mengekalkan prestasi seperti yang dipamerkan ketika

membelasah PSAS, minggu lalu, namun akan lebih berhati-hati kerana pemain UPM yang turut dibarisi pemain Liga FAM, Liga Perdana dan Super, dijangka mahu membawa pulang sekurang-kurangnya satu mata.

Sementara itu, Pengurus UPM, Zainal Abidin Yusof berkata, pemainnya sudah

membuat persediaan rapi untuk bertandang ke gelanggang lawan dan menyedari perlawanan dijangkakan pasti sengit.

"Pemain sudah diingatkan tidak bersikap sambil lewa kerana pasukan UiTM cukup gah terutama di gelanggang sendiri. Kita perlu menang atau sekurang-kurangnya membawa pulang satu mata.

"Dalam perlawanan pertama menentang Usim, walaupun menang saya tidak berpuas hati dengan persembahan pemain, mungkin mereka kurang latihan kerana baru balik bercuti atau perlawanan pertama biasanya, pemain agak gugup mencari rentak," katanya.

Sementara itu, dalam perlawanan hujung minggu lalu, kebanyakan pasukan ternama seperti UKM, USM, UMS, UTM, mencatat kemenangan dalam perlawanan sulung mereka. UKM dalam kumpulan zon Tengah 2 membelasah Kolej Komuniti Jelebu 4-0, manakala Zon Utara, USM mengalahkan UniMAP, 1-0, namun UUM hanya mampu seri 2-2 dengan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTS).

Dalam kumpulan zon Sabah, UMS dijangka mengungguli kumpulan selepas membelasah MKK, 4-0. Bagi zon selatan, UTHM kalahkan KKBP 3-0, UTM kalahkan KKBP 3-0 manakala Politeknik Johor Bahru membelasah KKS, 10-0. Dalam perlawanan zon timur, UDM kalah kepada KKT, 1-2; UMT seri dengan KKR, 1-1, UMP tumpas kepada Polis, 1-3.

5 Mac 2010 (Jumaat)

UMS lawan UiTM Sabah
Stadium UMS, jam 7.45 malam

ZON SARAWAK
KKMG lawan Unitar
Padang KKM, jam 4.45 petang

PK lawan UPM
Padang PK, jam 4.45 petang

UTS lawan Unimas
Padang UTS, jam 4.45 petang

UiTM Sarawak lawan KKK
Padang UiTM Sarawak, jam 4.45 ptg

UiTM Shah Alam lawan UPM
Padang Kompleks Sukan UiTM Shah Alam, jam 4.45 ptg

7 Mac (Ahad)

ZON TENGAH 1
PSAS lawan PUO
Padang PSAS, jam 4.45 petang

KKG lawan UPNM
Padang Bola Sepak Dr Seevanisagam, Ipoh, jam 4.45 ptg

Usim lawan KKS
Padang USIM, jam 4.45 petang

ZON TENGAH 2
PSA lawan PPD
Stadium Mini Shah Alam, jam 4.45 ptg

KKHL lawan UKM
Stadium Bola Sepak MPK, jam 4.45 ptg

KKJ lawan UPSI
Stadium Mini Majlis Daerah Jelebu, jam 4.45 petang

UM lawan UIAM
Padang UM, 4.45 petang

ZON UTARA
PTS lawan POLIMAS
Stadium Mini Keladi, Kulim, jam 4.45 ptg

KKBD lawan UiTM Perlis
Stadium Mini Jitra, 4.45 petang

KKKB lawan USM
Stadium Bola Sepak Bertam, jam 4.45 petang

Unimap lawan UUM
Padang Rani, UiTM Perlis, jam 4.45 ptg

ZON SELATAN
PPM lawan PJB
Padang TBC, jam 4.45 petang

KKS lawan UTHM
Stadium Hang Tuah, jam 4.45 ptg

KKBP lawan UiTM Johor
Padang KKBP, jam 4.45 petang

UTeM lawan UTM
Stadium UTeM, jam 8.45 malam

ZON TIMUR
UMK lawan KKR
Padang UMK, jam 4.45 petang

POLISAS lawan UMT
Padang Polis, jam 4.45 petang

PKB lawan UDM
Stadium Mini Keterah, jam 4.45 ptg

UiTM Kelantan lawan UMP
Padang UiTM Kelantan, jam 4.45 ptg

ZON SABAH
KKT lawan Unitar
Stadium UMS, jam 4.45 petang

MKK lawan PKK
Padang CUMS, jam 4.45 petang

KEPUTUSAN LIGA BOLA SEPAK IPT 2010

Tarikh 28 Februari 2010 (Ahad)

ZON TENGAH 1			ZON SELATAN		
UPM	4-0	Usim	UiTM Johor	0-1	UTeM
UPNM	2-0	KKS	UTHM	3-0	KKBP
PUO	0-4	KKG	PJB	10-0	KKS
UiTM	4-1	PSAS	UTM	6-0	PPM
ZON TENGAH 2			ZON TIMUR		
UPSI	0-1	UM	KKR	1-1	UMT
UKM	4-0	KKJ	UDM	1-2	KKT
PPD	2-5	KKHL	UMP	1-3	POLISAS
UIAM	2-2	PSA	PKB	3-1	UiTM Kelantan
ZON UTARA			ZON SABAH		
USM	1-0	Unimap	KYS	2-1	UiTM Sabah
UiTM Perlis	0-1	KKKB	UMS	4-0	MKK
Polimas	0-1	KKBD	PKK	3-0	KKT
UUM	2-2	PTS			



MOHD IBNU KASSIM
Nama: Umrur, 21 tahun
Asal: Sabah
Fakulti: Faku I
Pendidikan, Ijazah Sarjana Muda Sumber Manusia
Pasukan: Pasukan Bola Sepak UPM dan KL Plus
Posisi: Pemain Tengah

PEMAIN PILIHAN PUSINGAN AWAL LIGA BOLA SEPAK IPT 2010

Mohd Ibnu berbakat besar, azam jadi terbaik

Mula mengenali permainan bola sepak sejak berumur sembilan tahun, Mohd Ibnu yang dilihat memiliki bakat besar dalam permainan itu kemudiannya ditawarkan memasuki Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada 2004. Pemain berasal dari Sabah yang kini menuntut di Universiti Putra Malaysia turut diberi kepercayaan

oleh pengurusan KL Plus, sebuah pasukan bola sepak yang beraksi dalam saingan Liga Perdana, menyertai pasukan berkenaan. Kenangan paling manis sepanjang bergelar pemain bagi anak muda ini ialah ketika beraksi menentang pasukan remaja kelab terkemuka dunia seperti Barcelona dan AC Milan ketika belajar di SSBJ.